

**Penilaian *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk* sebagai Sumber Pembentukan
Perlembagaan Johor 1895**
*(Evaluation of *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk* as the Source of the Formation of
the Constitution of Johor 1895)*

Hanif Md Lateh,^a Abu Bakar Jaafar^b & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad^c

Abstrak

Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk, karya Raja Ali Haji dari tradisi keilmuan Riau abad ke-19, sering dirujuk sebagai teks nasihat politik berteraskan Islam dan dikaitkan dengan wacana ketatanegaraan Melayu. Dalam historiografi pembentukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1312H (1895) (UTKJ), sebahagian sarjana mengemukakan dakwaan bahawa *Muqaddimah* tersebut—bersama karya Raja Ali Haji yang lain—telah mempengaruhi penggubalan perlembagaan Johor 1895. Namun, dakwaan ini lazimnya bersandar pada naratif hubungan Johor–Riau serta kesamaan nilai umum, tanpa pembuktian tekstual yang terperinci dan setara dari segi genre serta fungsi teks. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menilai secara kritis kewajaran *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk* sebagai sumber pembentukan UTKJ melalui perbandingan tekstual yang sistematik, khususnya dari segi persamaan dan perbezaan antara kedua-dua teks. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berasaskan analisis kandungan dan pendekatan sejarah dengan kaedah komparatif tekstual. Data primer diperoleh daripada teks UTKJ simpanan Arkib Negara Malaysia serta *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk* cetakan Ofis Cop Government Lingga, 1304H. Analisis komparatif dilaksanakan melalui lima dimensi: tujuan penulisan, bentuk, gaya bahasa, kandungan utama, dan fungsi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua teks beroperasi dalam kerangka yang berbeza: *Muqaddimah* bersifat risalah nasihat moral-politik (*adab al-mulūk*) yang peribadi, manakala UTKJ ialah dokumen perlembagaan formal yang terinstitusi dan mengikat. Walaupun terdapat kesamaan konsep normatif seperti keadilan dan tanggungjawab, kesamaan tersebut bersifat umum dalam tradisi Islam-Melayu dan tidak memadai untuk membuktikan pengaruh langsung *Muqaddimah* terhadap UTKJ. Kesimpulannya, kajian ini mendapati dakwaan bahawa *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk* menjadi sumber pembentukan UTKJ tidak dapat disokong melalui perbandingan tekstual antara kedua-dua teks. Kajian lanjut dicadangkan untuk menilai karya Raja Ali Haji yang lain—terutama *al-Thamarat al-Muhimmah*—serta menelusuri bukti arkib berkaitan jaringan intelektual, peminjaman naskhah, dan saluran pemindahan idea antara Johor dan Riau bagi memperincikan mekanisme pengaruh yang lebih tepat.

Kata kunci: *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk*, Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1312 (1895), Perlembagaan Johor, Raja Ali Haji, Komparatif tekstual

^a Hanif Md Lateh (PhD), Research Fellow, Research Institute for Islamic Products and Malay Civilization, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Gong Badak Campus, 21300, Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman, Malaysia. Email: hanifjunid@unisza.edu.my.

^b Abu Bakar Jaafar (PhD) (corresponding author), Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (Pahang Branch, Jengka Campus), 26400 Bandar Jengka, Pahang Darul Makmur. Email: drabubakar@uitm.edu.my.

^c Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad (PhD), Senior Lecturer, Research Centre for Arabic Language and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Email: izziah@ukm.edu.my.

Abstract

Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk, authored by Raja Ali Haji within the nineteenth-century Riau Islamic scholarly tradition, is frequently invoked as a seminal political-ethical treatise that informs Malay-Islamic conceptions of governance. Within the historiography of the Johor State Constitution 1312H (1895) (*Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor*, UTKJ), a recurrent scholarly claim posits that this *Muqaddimah*—alongside Raja Ali Haji's other legal and political writings—exerted a formative influence on Johor's constitutional drafting. Yet such assertions have often been advanced on the basis of Johor–Riau historical proximity and broad normative convergences, rather than on sustained, genre-sensitive textual substantiation. Accordingly, this study critically evaluates the plausibility of *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk* as a direct source for the formation of the UTKJ by undertaking a systematic textual comparison of the two works. Employing a qualitative design grounded in content analysis and historical inquiry, the study draws on primary documents: the UTKJ text held by the National Archives of Malaysia and *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk* published by the Ofis Cop Government Lingga in 1304H. The comparative analysis proceeds across five analytical dimensions—authorial purpose, textual form, linguistic register, substantive content, and institutional function. The findings demonstrate a decisive divergence in textual orientation and operative intent: the *Muqaddimah* functions as a personalised moral-political counsel (*adab al-mulūk*) addressed to a specific ruler, whereas the UTKJ constitutes a formal, institutionalised, and legally binding constitutional instrument. Although both texts share certain normative concepts—such as justice and moral accountability—these parallels are best understood as general expressions of the wider Malay-Islamic ethical universe rather than evidence of direct textual dependency. The study concludes that the claim of *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk* serving as a source for the UTKJ cannot be sustained on the basis of textual comparison. Future research is recommended to extend the comparative framework to Raja Ali Haji's *al-Thamarat al-Muhimmah* and to pursue archival corroboration concerning manuscript circulation, intellectual networks, and specific channels of idea transmission between Johor and Riau.

Keywords: *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk*, *The Law of The Constitution of Johor 1312 (1895)*, *Constitution of Johor*, *Raja Ali Haji*, *textual comparison*

Pendahuluan

Secara am, kerajaan Melayu dalam lokaliti semasa sama ada di Malaysia, Indonesia, Thailand mempunyai hubungan antara satu sama lain.¹ Hubungan ini termasuk dari segi keturunan, pengamalan politik, sistem dan aktiviti ekonomi serta sosial. Johor dan Riau pada dasarnya mempunyai hubungan yang kukuh kerana pada asalnya kedua-dua kerajaan ini pernah bergabung di bawah nama Kerajaan Johor-Riau. Selain aspek tersebut, sarjana turut mencadangkan penglibatan sumber Riau secara khusus dalam Kerajaan Johor dan juga Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1312(1895) (UTKJ). Hooker, V.M mencadangkan bahawa Johor menggunakan karya Raja Ali Haji sebagai rujukan sepertimana petikan berikut:

Dalam tahun 1868, Temenggung Abu Bakar Johor telah menghantar utusan menemui Raja Ali Haji untuk mendapatkan nasihat mengenai pelbagai perkara pemerintahan negeri, dan rombongan tersebut kembali ke Johor dengan membawa tujuh buah buku dan juga pelbagai dokumen yang dipinjamkan oleh Raja Ali Haji kepada Temenggung

¹ Anthony Milner and Wilbert W. W. Wong, “Winstedt, Colonialism and the Malaysian History Wars,” *Indonesia and the Malay World* 52, no. 153 (2024): 179–98, <https://doi.org/10.1080/13639811.2024.2351280>.

Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk sebagai Sumber Pembentukan Perlembagaan Johor 1895 untuk kegunaan beliau. Raja Ali Haji menasihatkan mereka seharusnya membaca daripada awal hingga akhirnya.

Percetakan di Lingga ini menerbitkan karya Raja Ali Haji seperti *Muqaddima fi Intizam al-Wazaifu'l-Muluk* dan *Thamaratu'l-Muhimmah* pada 1886. Di samping kumpulan undang-undang Riau-Lingga seperti Undang-undang Lima Pasal dan Qanun Kerajaan Riau-Lingga...²

Cadangan Rahmat Saripan pula lebih spesifik dengan mengatakan karangan Raja Ali Haji berjudul *Thamarat al-Muhimmah* merupakan sumber kepada UTKJ:

Dalam beberapa pertemuan dengan seorang penulis yang sedang mengkaji mengenai teks perundangan Melayu-Islam iaitu Abu Hassan Sham berpendapat bahawa karangan Raja Ali Haji berjudul *Thamaratul Muhimmah* merupakan salah satu sumber terpenting Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895.³

Kenyataan ini kemudian disokong dan ditambah sumbernya oleh Abd Jalil Borham. Beliau menyatakan

Dua buah buku karangan beliau dalam bidang undang-undang dan adat istiadat Melayu iaitu “*Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk*”⁴ (Raja Ali Haji: 1304H) dan “*Thamarat al-Muhimmah Diyafah li al-Umara' wa al-Kubara' li ahl al-Mahkamah.*” (Raja Ali Haji: 1304H). Dua buah karya undang-undang Raja Ali Haji ini dapat menunjukkan kepada kita yang beliau sebagai seorang yang terpelajar dan banyak mengetahui mengenai adat istiadat Melayu dan undang-undang Islam terutama yang berkaitan dengan perlembagaan. Pengaruh kedua-dua karya beliau ini dapat dilihat dalam pembentukan Undang-Undang Tubuh Johor 1895 sebagai perlembagaan bertulis pertama di Tanah Melayu dalam era moden yang dihasilkan semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar.⁵ Bahkan, penulisan semasa turut memetik pandangan yang sama dengan menyatakan:

Idea-idea yang terdapat dalam UTKJ ini telah diadunkan dengan idea daripada kitab perundangan karangan Raja Ali Haji, *Thammarat al-Muhimmah* dan *Muqaddimah fi Intizam Waza'if al-Malik* yang diambil oleh Maharaja Abu Bakar sewaktu kunjungan beliau ke Kepulauan Riau pada 18 April 1868.⁶

² V. M. Hooker, *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 7–8.

³ Rahmat Saripan, “Konsep, Peranan dan Institusi Penasihat di Terengganu, Kedah dan Johor pada Akhir Abad ke-19 daripada Perspektif Islam,” dalam *Masyarakat Melayu Abad ke-19*, ed. Jawatankuasa Kolokium (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 221, 225–26.

⁴ Helmiati Helmiati, “Nurturing Islamic and Socio-Political Thoughts in Riau and Beyond: Exploring Raja Ali Haji's Works,” *Journal of Al-Tamaddun* 16, no. 2 (2021): 99–109, <https://doi.org/10.22452/JAT.vol16no2.8>

⁵ Abd. Jalil Borham, *Pengaruh Khilafah Othmaniyyah Turki dalam Pentadbiran Kerajaan Johor bagi Memartabatkan Sebuah Negara Islam Merdeka di Asia Tenggara* (kertas kerja ucapama dibentangkan pada *Simposium Isu-Isu Sejarah dan Tamadun Islam (SISTI 2011)*, Sudut Wacana ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 8–10 April 2011).

⁶ Noorilham Ismail, Zulkanain Abdul Rahman, Nur Dayana Mohamed Ariffin, dan Norasmahani Hussain, “Kegiatan Ilmu Pengetahuan Berasaskan Islam di Johor dalam Era Imperialisme British, 1914–1941,” *Journal of Al-Tamaddun* 19, no. 2 (2024): 169–86, <https://doi.org/10.22452/JAT.vol19no2.12>.

Melalui kenyataan di atas, saringan kewajaran sumber UTKJ memberi fokus pada karya yang dikatakan sarjana telah digunakan kerajaan dan juga memberi kesan terhadap penggubalan UTKJ. Tiga karya tersebut adalah ringkasnya disebut sebagai *al-Thamarat al-Muhimmah*, *Muqaddimah fi Intizam* dan Undang-undang Lima Pasal.⁷ Justeru, artikel ini memberi fokus penilaian *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk* sebagai sumber pada UTKJ.

Metodologi

Kajian ini adalah kajian kualitatif. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah analisis kandungan (content analysis) dan kajian sejarah (historical study). Data kajian berbentuk dokumen sumber primer. Dokumen utama adalah teks Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1312 (1895). Teks ini merupakan bahan utama kajian yang melalui proses kritikan dalaman dan luaran. Perolehan data iaitu teks Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1312 (1895) diperolehi melalui salinan dari Arkib Negara Malaysia. Seterusnya data primer tentang sistem politik adalah berdasarkan bahan yang telah diterbitkan. Walaupun begitu, data-data ini boleh disaring dari segi ketulenan dan interpretasi dikemukakan pengkaji atau penerbit.

Sementara itu, teks *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk* adalah yang diperolehi dari bahagian Koleksi Melayu, Perpustakaan Universiti Malaya. Karya ini diterbitkan oleh Ofis Cop Government Lingga. Kedua-dua teks ini merupakan bahan primer yang dijadikan komparatif. Kajian terdahulu dalam rangka kajian teks undang-undang di Malaysia telah dilakukan sarjana terdahulu seperti Mahayudin Yahaya,⁸ Siti Hawa Salleh,⁹ Sidek Abdullah,¹⁰ Zaini Nasohah¹¹ dan Abu Hassan Sham.¹² Kesimpulan berdasarkan kajian tersebut menunjukkan dua kaedah utama iaitu menggunakan komparatif dengan sumber teks dan konklusi berdasarkan data kontemporari seiring dengan kewujudan teks. Kaedah pertama merupakan kaedah komparatif data yang digunakan majoriti pengkajian teks perundangan di Tanah Melayu. Kaedah komparatif data adalah melalui perbandingan dan analisis teks serta sumber primer teks yang disokong dengan data-data sekunder. Analisis komparatif dalam kajian ini dijalankan dengan merujuk kepada pengeluaran tema utama isi kandungan terlebih dahulu. Seterusnya, lima faktor teks dilihat dalam komparatif seperti berikut: (1) Tujuan penulisan; (2) Bentuk; (3) Gaya bahasa; (4) Kandungan utama; dan (5) Fungsi. Kelima-lima jenis perkara yang dinilai ini menggunakan analisis komparatif tekstual dan bersifat deskriptif-analitik.

⁷ Selain daripada tiga teks ini, sarjana lain turut mencadangkan *Tuhfat al-Nafis* yang turut mempunyai maklumat tentang ketatanegaraan. Bagaimanapun, karya ini diketepikan dalam kajian ini dengan mengambil kira dapatan perbandingan kajian yang menyatakan: Analisis teks *Tuhfat al-Nafis* dan *Thamarat al-Muhimmah* menunjukkan bahawa senarai nafsu dan dosa yang dirakamkan dalam kedua-dua teks adalah hampir sama (yang bezanya adalah kosa kata sahaja). Cuma dalam *Tuhfat al-Nafis*, Raja Ali Haji menumpukan lebih perhatian pada sifat-sifat dan isu kemsyarakatan, manakala dalam *Thamarat al-Muhimmah*, beliau lebih fokus pada sifat-sifat keperibadian. Walaupun begitu, dua-dua teks mengandungi konsep ketatanegaraan yang sama. Lihat Tatiana A. Desinova, "Ketatanegaraan Melayu Kurun ke-19," dalam *Raja Ali Haji: Pemikir Ulung Alam Melayu Abad ke-19*, ed. Arbaiyah Mohd Noor dan Mohd Hanafi Ibrahim (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 192.

⁸ Mahayudin Yahaya, "Islam dan Pengaruhnya ke atas Undang-undang Laut dan Perdagangan Negeri Kedah pada Abad ke-17 Masihi," dalam *Islam di Kedah Darul Aman*, disunting oleh Md. Noor Salleh dan Abdul Halim Salleh (Kedah: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, 1998), 26–29.

⁹ Siti Hawa Salleh, "Unsur-unsur Islam dalam Undang-undang Kedah," dalam *Islam di Kedah Darul Aman*, disunting oleh Md. Noor Salleh dan Abdul Halim Salleh (Kedah: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, 1998), 16–25.

¹⁰ Sidek Abdullah, "Pemikiran Mazhab Imam Syafie dalam Sistem Undang-undang dan Perlembagaan di Terengganu semasa Pemerintahan Sultan Zainal Abidin III (1881–1919M): Satu Analisis" (tesis Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998).

¹¹ Zaini Nasohah, "Perkembangan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia sehingga Tahun 1990-an" (tesis Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998).

¹² Abu Hassan Sham, *Hukum Kanun Melaka* (Melaka: Perbadanan Muzium Melaka, 1995).

Perlembagaan Johor

Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor (UTKJ) merupakan teks perlembagaan bertulis yang pertama pada era moden di Tanah Melayu serta mempunyai kesinambungan dengan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.¹³ Hal ini telah disepakati oleh semua ahli sejarah serta kajian terdahulu. Kajian ini berpandukan teks UTKJ beserta tambahannya sehingga 22 April 1908 Masihi. Penambahan pertama terhadap teks ini berlaku selepas tahun 1312 Hijrah (1895 Masihi).

Naskhah yang digunakan adalah salinan daripada versi yang terdapat di Arkib Negara Malaysia bertarikh 10 November 2009. Teks asal yang tidak mengandungi sebarang penambahan atau pindaan tidak dapat ditemui selepas carian dilakukan di Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Cawangan Johor, Perpustakaan Negara Singapura, Muzium Johor serta Perpustakaan Pejabat Peguam Negara.¹⁴ UTKJ menerima tambahan terawal pada tahun 1908 dan seterusnya pada 1918. Edisi-edisi tersebut adalah edisi yang sama dari segi kandungan UTKJ 1895, tidak melibatkan pindaan melainkan hanya tambahan yang dibuat secara terasing dengan teks asal dan bukannya melalui tambahan dalam teks asal. Tambahan-tambahan yang telah dibuat tidak merencatkan kandungan asal teks yang dipinda pada tahun 1895, ini sekaligus menjadikan teks yang mempunyai tambahan boleh dianggap mempunyai isi yang sama dengan teks asal edisi 1895. Sebagai contohnya, hal ini dapat diperhatikan melalui salinan teks UTKJ bersama tambahan hingga tahun 1918. Struktur bentuk penulisan teks Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1312(1895) bercirikan perkara berikut:

- a. Jata atau lambang
Bermula dengan meletakkan jata atau lambang pemerintahan di muka hadapan bersama dengan tarikh atau tahun.
- b. Pendahuluan dan keterangan ringkas
Teks akan dimulakan dengan penerangan ringkas tentang individu yang berkuasa menjalankan undang-undang atau yang menggubal. Seterusnya diterangkan tentang apakah kandungan teks tersebut. Perbezaan teks undang-undang kolonial adalah tiada doksologi terhadap *Rabb al-Alamin*.
- c. Penomboran
Penggunaan nombor dalam menerangkan turutan perkara-perkara.
- d. Tajuk bagi mewakili fasal
Satu tajuk besar akan digunakan pada permulaan fasal, ia menunjukkan skop perbincangan dalam fasal tersebut.
- e. Keterangan atau ringkasan
Di bahagian tepi, digunakan keterangan atau ringkasan bagi menjelaskan atau menerangkan perkara-perkara yang terkandung dalam teks tersebut.
- f. Fasal berbagai-bagai ingatan
Ordinan Negeri Selat turut meletakkan bahagian *Miscellaneous* dalam sebahagian ordinan.¹⁵

¹³ Kristen Stilt, "Contextualizing Constitutional Islam: The Malayan Experience," *International Journal of Constitutional Law* 13, no. 2 (April 2015): 407–433, <https://doi.org/10.1093/icon/mov031>; Nazri Muslim, Amaal Fadhlini Mohamed, and Ahmad Firdhaus Arham, "From the Past to the Present: The Enduring Impact of *Hukum Kanun Pahang* (Pahang Laws) in Malaysian Society," *Humanities & Social Sciences Communications* 11 (2024): article 811, <https://doi.org/10.1057/s41599-024-03281-1>.

¹⁴ H. M. Lateh, I. S. M. Resad, dan E. A. Jamsari, "Analysis of Loanwords in Text of Johore State Constitution 1312H (1895)," *International Journal of Civil Engineering and Technology* 9, no. 1 (2018): 763–70.

¹⁵ Straits Settlements Records (SSR), Ordinance No. III of 1878, 7 May 1878; Colonial Office Records, CO 274/2–3.

g. Pengakuan

Teks di halaman akhir akan dibuat pengakuan bersama dengan tanda tangan dan cop kerajaan memerintah.¹⁶

Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk

*Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk Khususan ila Maulana wa Sahibina wa Akhina Yang Dipertuan Muda Raja Ali al-Mudabbir li al-Biladi al-Riyauwiyah wa Sa'ir Dairatih*¹⁷ adalah nama lengkap karya tersebut. Karya ini dihasilkan Raja Ali Haji untuk Raja Ali bin Jaafar (1845-1857) bersesuaian dengan tarikh ia selesai dikarang pada 1857. Pengkaji menggunakan teks yang dicetak pada Rejab 1304, Ofis Cop Government Lingga.¹⁸ Karya ini dirumuskan oleh Elmustian Rahman sebagai:

Dari huraian di atas, dapat dilihat bagaimana implikasinya bagi Johor dahulu, sekarang dan masa akan datang. Sebagai kerajaan, Johor menginginkan pula perundang-undangan yang dapat diakui bersama, dan pengakuan dari pelbagai jiran serumpun. Dalam rangkaian itulah, kita melihat keterkaitan yang sangat erat antara Johor-Pahang (dan beberapa takluknya) dan Riau-Lingga (dan daerah takluknya).¹⁹

Perbincangan secara bandingan antara *Muqaddimah fi Intizam* dengan UTKJ pada pandangan pengkaji tidak tepat untuk dibandingkan. Hal ini adalah kerana teks Raja Ali Haji ini yang dikhususkan sebagai panduan pada Yang Dipertuan Muda Raja Ali. Penggunaan kata ganti nama dalam teks sebagai kekanda (Raja Ali Haji) dan adinda (Raja Ali). Selain itu, perbandingan ini juga tidak signifikan memandangkan kerana tiada persamaan setara antara teks *Muqaddimah fi Intizam* dan UTKJ. Konsep perbincangan dalam kedua-dua teks berbeza, melainkan konsep umum seperti adil, mesyuarat, tapisan aduan dan lainnya. Secara amnya, karya Raja Ali Haji terbahagi pada empat bahagian:

Muqaddimah (4-5)

Raja Ali Haji menerangkan maksud kerajaan dan menekankan kepentingan menjaga kerajaan yang diamanahkan, kerana ia memberi kesan terhadap dunia dan lebih utama akhirat. Malah, melibatkan balasan syurga atau neraka.

Wazifah yang pertama – Maw'izah fi Wullat al-Ijtihad Khata' (5-11)

Wazifah yang pertama merupakan bahagian paling panjang dalam karya ini. Fokus perbincangan bahagian ini adalah tentang kepentingan menjaga rakyat. Menjaga rakyat dalam erti kata mewujudkan suasana aman damai di setiap peringkat rakyat. Keamanan dan kedamaian antara

¹⁶ Hanif Md Lateh dan Izziah Suryani Arshad @ Mat Resad, *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018).

¹⁷ Menurut penilaian pengkaji, karya tersebut sebenarnya diberi judul *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk*. Pengkaji melihat dari tiga faktor. Pertama, susun atur tajuk, kerana perkataan *Khusus* diletakkan di bawah satu parap lain, menunjukkan ia terasing. Kedua, *Khusus ila Maulana wa Sahibina wa Akhina Yang Dipertuan Muda Raja Ali al-Mudabbir li al-Biladi al-Riyauwiyah wa Sa'ir Dairatih* sebenarnya adalah penjelasan pada tajuk. Sekaligus ia adalah dengan tujuan hadiah pada Raja Ali dan atas dasar itu ia ditulis sebegini di muka hadapan dan bukan sebagai tajuk. Ketiga, makna *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk* telah menunjukkan makna yang lengkap untuk diterjemah dan dianggap sebagai satu tajuk atau judul karangan.

¹⁸ Teks yang digunakan pengkaji adalah simpanan Perpustakaan Universiti Malaya, Bahagian Koleksi Melayu. Raja Ali Haji, *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk* (Lingga: Ofis Cop Government Lingga, 1304H).

¹⁹ Elmustian Rahman, "Muqaddimah fi Intizam: Latar Belakang dan Pandangan," dalam *Warisan Persuratan Johor II*, ed. Zainal Abidin Borhan et al. (Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 1999), 365, 380.

Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk sebagai Sumber Pembentukan Perlembagaan Johor 1895 segenap lapisan masyarakat perlu dibina dan diwujudkan, hal ini meningkatkan kelangsungan sebuah kerajaan.

Antara kaedah untuk mencapainya menurut karya ini adalah melalui keputusan dan timbang tara yang tidak berat sebelah antara mana-mana pihak. Raja Ali Haji turut mengingatkan supaya keputusan yang dibuat tidak bersifat berat sebelah kerana akan menghasilkan natijah negatif.

Wazifah yang kedua – Jaga daripada adu-aduan orang (11-14)

Raja Ali Haji melalui *wazifah* yang kedua telah membahagikan aduan kepada tiga jenis. Pertama aduan malaikat, kedua, aduan hawa nafsu dan ketiga, aduan syaitan. Raja Ali Haji turut menerangkan dalam karya ini berkenaan dengan kaedah mengenali jenis aduan tersebut berdasarkan pada ciri-ciri tertentu. Perbincangan dalam *wazifah* ini seterusnya dilanjutkan berkenaan dengan kesan dan akibat jika aduan-aduan tersebut tidak dikendalikan dengan sewajarnya.

Wazifah yang ketiga – Jaga kepada negeri semua peringkat²⁰ (15-18)

Wazifah yang ketiga merupakan bahagian terakhir dalam karya ini. Bahagian ini memperincikan tentang keperluan seseorang pemerintah dan pentadbir memberikan layanan sama rata di setiap peringkat lapisan masyarakat. Layanan seharusnya diberikan tanpa mengambil kira unsur pangkat, kedudukan, pertalian darah dan sebagainya. Begitu juga dalam proses menghulurkan bantuan, ia perlu diberikan pada mana-mana pihak yang memerlukan bantuan tanpa sikap prejudis terhadap pemohon bantuan. Merujuk pada kuasa membuat keputusan di peringkat negeri, ia perlu diselesaikan dengan menggunakan pendekatan mesyuarat, iaitu keputusan secara bersama atau majoriti ahli mesyuarat.

Seterusnya, Raja Ali Haji memuatkan juga dalam bahagian ini berkenaan kaedah menggunakan pendapatan atau hasil negeri. Pendapatan negeri perlu dibahagikan kepada empat bahagian, salah satu dari empat bahagian tersebut perlu digunakan untuk mengejar akhirat. Sebelum mengakhiri penulisan naskah agung ini, Raja Ali Haji sekali lagi mengulang kepentingan mengingati kehidupan selepas mati iaitu di akhirat kelak. Teks *Muqaddimah fi Intizam* disudahi dengan ikrar dan jaminan Raja Ali Haji untuk membantu pentadbiran Raja Ali dengan khidmat nasihat serta memberi peringatan atas kelompangan yang wujud dalam pentadbiran baginda.

Kesimpulannya, teks *Muqaddimah fi Intizam* tidak memberi kesan langsung dalam penggubalan teks UTKJ. Hal ini dapat diperhatikan melalui isi kandungan kedua-dua teks yang berbeza dan tidak mempunyai persamaan bersifat objektif antara keduanya. Kenyataan ini telah menolak pandangan Abdul Jalil Borham yang menyatakan teks *Muqaddimah fi Intizam* memberikan pengaruh dalam teks UTKJ.²¹ Bagaimanapun, tidak dapat ditolak fakta bahawa wujudnya konsep-konsep tertentu yang mempunyai persamaan antara *Muqaddimah* dan UTKJ. Konsep yang senada dalam kedua-dua teks adalah seperti konsep keadilan, dosa, pahala dan lainnya.

Bagaimanapun, persamaan konsep dalam kedua-dua teks tidak dapat membenarkan kenyataan bahawa *Muqaddimah* mempengaruhi UTKJ. Konsep-konsep ini didasari oleh agama Islam yang menjadi anutan di Riau dan Johor. Konsep ini juga secara jelasnya tidak timbul dalam karya Raja Ali Haji sahaja, tetapi turut menjadi medan perbincangan utama dalam banyak karya lain tanpa

²⁰ Tajuk *wazifah* yang ketiga diberikan oleh pengkaji berdasarkan permulaan keterangan *wazifah* ini. Teks tersebut tidak memberikan tajuk khusus bagi *wazifah* ketiga seperti dua *wazifah* sebelumnya. Raja Ali Haji, *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Muluk* (1304H), 14.

²¹ Abd. Jalil Borham, *Pengaruh Khilafah Othmaniyyah Turki....*

mengira karya tersebut bertapak di Tanah Melayu mahupun kepulauan Arab. Konsep-konsep sebegini pastinya akan dibincangkan asalkan ia dikarang oleh pengarang beragama Islam dan hasil kepengarangan tersebut berlandaskan prinsip Islam. Sebagai contohnya, teks *Sulalat al-Salatin* yang dikenali sebagai teks dalam korpus sastera, sejarah serta budaya.²² Teks ini bukanlah teks di bawah tema agama, tetapi dalam masa yang sama turut memuatkan konsep-konsep yang senada dengan *Muqaddimah fi Intizam* dan UTKJ yang berkisar tentang dosa, pahala, keadilan dan sebagainya.²³

Dapatan Komparatif

Sub-tajuk ini menumpukan perhatian kepada perbandingan secara langsung antara *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk* dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 (UTKJ). Analisis komparatif ini bertujuan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan dari segi tujuan penulisan, bentuk, gaya bahasa, kandungan utama, dan fungsi kedua-dua teks. Dengan pendekatan ini, pengkaji dapat menilai sama ada terdapat pengaruh langsung *Muqaddimah* terhadap pembentukan UTKJ, serta memahami peranan kedua-dua teks dalam konteks sejarah dan pentadbiran Johor.

Jelas sekali menunjukkan persamaan konsep yang wujud dalam kedua-dua teks iaitu *Muqaddimah fi Intizam* dan UTKJ tidak boleh dijadikan imbalan bahawa ia mempengaruhi satu sama lain. Maka dapat ditekankan bahawa teks *Muqaddimah fi Intizam* melalui pemerhatian kontekstual didapati tidak mempengaruhi Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor pada 1312 (1895). Berikut merupakan jadual yang menjelaskan perbezaan tersebut:

Jadual 1: Komparatif Muqaddimah dan UTKJ 1895

Aspek	<i>Muqaddimah fi Intizam</i>	<i>UTKJ (1895)</i>
Tujuan penulisan	Nasihat peribadi kepada YDPM Raja Ali bin Jaafar	Perlembagaan rasmi negeri Johor
Bentuk	Nasihat diraja, berbentuk risalah	Dokumen undang-undang bertulis rasmi
Gaya bahasa	Personal (guna kata ganti: kekanda/adinda)	Formal, institusional
Kandungan utama	Etika pemerintahan dan pentadbiran Islam	Struktur institusi kerajaan, kuasa raja, peraturan pelantikan, kewangan, dll
Fungsi	Panduan moral-pentadbiran	Rangka perlembagaan kerajaan berdaulat moden

Berdasarkan jadual perbandingan yang dibentangkan, dapat dirumuskan bahawa *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk* lebih mendekati bentuk karya bersifat nasihat politik dan etika (*political-moral treatise*) yang bertujuan membentuk akhlak serta memperhalusi pendekatan pemerintahan seseorang pemimpin. Karya ini tidak bersifat sebagai undang-undang, sebaliknya merupakan teguran berbentuk rohani serta panduan dalaman (*internal guidance*) kepada pemerintah. Sebaliknya, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor* (UTKJ) merupakan sebuah dokumen perlembagaan bertulis yang pertama dalam kalangan negeri-negeri Melayu. Ia

²² Abdul Rahman Ismail dan Haron Daud (ed.), *Sulalat-us-Salatin* (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008), v.

²³ Ali Ahmad, "Halangan dalam Pengislahan Pemimpin Melaka Berdasarkan Sulalat-us-Salatin," dalam *Sulalat-us-Salatin*, ed. Abdul Rahman Ismail dan Haron Daud (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008), 41–48.

Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk sebagai Sumber Pembentukan Perlembagaan Johor 1895 merangkumi prinsip-prinsip perundangan, struktur pemerintahan, serta hubungan antara institusi raja dan rakyat dalam kerangka formal yang bersifat mengikat. Peranannya adalah untuk menginstitusikan kekuasaan dan mentadbir negeri secara sistematik, bukan semata-mata untuk memberi pedoman amalan pemerintahan.

Dari sudut struktur penulisan pula, *Muqaddimah* memperlihatkan susunan yang longgar dan tidak mengikuti konvensi penulisan perundangan. Ia lebih menyerupai sebuah kitab nasihat dalam genre *adab al-mulūk* yang menekankan aspek nilai dan prinsip kepemimpinan. Bahagian-bahagian seperti “wazifah pertama” dan “wazifah ketiga” berfungsi sebagai kerangka konseptual dalam membincangkan aspek-aspek etika kepemimpinan. Sebaliknya, UTKJ disusun dengan pendekatan perundangan moden yang berpaksikan model Barat — lengkap dengan fasal-fasal yang bernombor, tersusun dan sistematik. Hal ini mencerminkan pengaruh sistem perlembagaan British dan sekaligus menandakan peralihan Johor ke arah sistem pemerintahan moden yang berlandaskan undang-undang bertulis.

Dari aspek gaya bahasa pula, *Muqaddimah* memaparkan pendekatan yang bersifat peribadi dan emosional, dipenuhi dengan ungkapan nasihat berunsur kekeluargaan. Hubungan penulis, Raja Ali Haji, dengan penerima nasihat, Yang Dipertuan Muda Raja Ali bin Jaafar, digambarkan melalui penggunaan kata ganti diri seperti “kekanda” dan “adinda,” yang mencerminkan hubungan mentor dan adik. Bahasa yang digunakan bersifat penuh hormat, kasih sayang serta disulam dengan peringatan berkenaan kehidupan akhirat. Berbeza dengan itu, UTKJ menggunakan gaya penulisan formal perundangan (*legal formalism*), bersifat objektif, tidak memihak dan tidak beremosi. Perbezaan ini menyerlahkan perbezaan antara sebuah teks nasihat spiritual dengan dokumen rasmi yang bersifat institusional.

Dari segi kandungan, *Muqaddimah* menumpukan perhatian terhadap keperibadian seorang pemerintah — antaranya persoalan tentang keadilan, kebijaksanaan dalam menapis aduan rakyat, serta penggunaan hasil negeri untuk tujuan yang mendatangkan manfaat ukhrawi. Fokus utama adalah pada integriti moral dan tanggungjawab spiritual seorang pemimpin, yang berada di luar kerangka undang-undang formal. Sebaliknya, UTKJ merupakan dokumen perlembagaan yang membentuk struktur dan sistem pemerintahan negeri secara menyeluruh. Ia menetapkan kriteria dan syarat-syarat perlantikan raja, fungsi Majlis Negeri, urusan kewangan, serta pelantikan pegawai pentadbiran — semuanya bersifat institusional dan berkaitan dengan struktur pemerintahan, bukan keperibadian individu.

Akhirnya, dari segi fungsi, *Muqaddimah* berperanan membentuk pemimpin yang bertakwa dan sedar akan tanggungjawab ukhrawi sebagai seorang pemerintah. Pemerintah digambarkan sebagai wakil Tuhan yang akan dipersoalkan di akhirat kelak atas amanah yang dipikul. Sebaliknya, UTKJ dirangka bagi memastikan sistem pemerintahan negeri Johor kekal stabil, moden dan diiktiraf oleh kuasa-kuasa serantau, termasuk kerajaan Melayu dan kolonial British. Justeru, penggubalan UTKJ dilihat sebagai strategi politik untuk mengekalkan kedaulatan negeri melalui pembentukan sistem pemerintahan yang terinstitusi dan sah secara undang-undang.

Kesimpulan

Dalam konteks sejarah dan pentadbiran Johor, kedua-dua teks—*Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk* dan *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 (UTKJ)*—memainkan peranan yang berbeza tetapi saling melengkapi dalam membentuk kerangka pemerintahan negeri. *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk*, yang ditulis oleh Raja Ali Haji, berfungsi sebagai panduan nasihat politik dan moral bagi Yang Dipertuan Muda Raja Ali bin Jaafar. Teks ini

menekankan prinsip keadilan, tanggungjawab moral, dan kepentingan menjaga kesejahteraan rakyat, serta membimbing pemimpin untuk melaksanakan amanah dengan penuh kesedaran rohani dan etika Islam. Dalam konteks sejarah, karya ini juga menggambarkan hubungan intelektual antara Johor dan Riau, serta pengaruh pemikiran Riau dalam pentadbiran Johor. Sebaliknya, UTKJ merupakan dokumen perlembagaan bertulis pertama di Tanah Melayu yang menetapkan struktur institusi kerajaan Johor secara formal. Teks ini merangkumi kuasa raja, fungsi Majlis Negeri, pelantikan pegawai, pengurusan kewangan, serta peraturan pentadbiran, menandakan peralihan Johor ke arah sistem pemerintahan moden berlandaskan undang-undang bertulis. Dari segi pentadbiran, UTKJ berperanan sebagai instrumen rasmi untuk mentadbir negeri secara sistematik, memastikan kestabilan politik, dan meneguhkan legitimasi kuasa pemerintah di mata kuasa serantau termasuk British. Walaupun kedua-dua teks memuatkan konsep yang serupa seperti keadilan, pahala, dosa, dan tanggungjawab, persamaan ini bersifat umum dan normatif, bukannya menunjukkan pengaruh langsung *Muqaddimah* terhadap UTKJ. Secara keseluruhan, kedua-dua teks mencerminkan kesinambungan nilai Melayu-Islam dalam pemerintahan Johor, di mana *Muqaddimah* menekankan aspek moral dan etika pemimpin, manakala UTKJ menekankan kerangka undang-undang formal dan struktur institusi, sekali gus memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang pembentukan dan pentadbiran negeri pada abad ke-19.

Penghargaan

Penyelidikan ini menerima dana dari Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia menerusi geran penyelidikan Projek Pendigitalan Manuskrip Universiti Sultan Zainal Abidin Fasa Kedua – Bedah Manuskrip (UniSZA/2025/PPM11) dan geran *Penilaian Fakta Dalam Silibus Sejarah Malaysia Peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia* (UniSZA/2018/GOT/04 R0053). Kami turut berterima kasih pada semua pihak yang menyumbang untuk penyelidikan dan penulisan artikel ini.

Rujukan

Abd. Jalil Borham. “Pengaruh Khilafah Othmaniyyah Turki dalam Pentadbiran Kerajaan Johor bagi Memartabatkan Sebuah Negara Islam Merdeka di Asia Tenggara.” Kertas kerja ucapnama, *Simposium Isu-Isu Sejarah dan Tamadun Islam (SISTI 2011)*, Sudut Wacana ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 8–10 April 2011.

Abdul Rahman Ismail dan Haron Daud (eds.). *Sulalat-us-Salatin*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008.

Abu Hassan Sham. *Hukum Kanun Melaka*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka, 1995.

Ali Ahmad. “Halangan dalam Pengislahan Pemimpin Melaka berdasarkan *Sulalat-us-Salatin*.” Dalam *Sulalat-us-Salatin*, disunting oleh Abdul Rahman Ismail dan Haron Daud, 41–48. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008.

Desinova, Tatiana A. “Ketanegaraan Melayu Kurun ke-19.” Dalam *Raja Ali Haji: Pemikir Ulung Alam Melayu Abad ke-19*, ed. Arbaiyah Mohd Noor dan Mohd Hanafi Ibrahim, 169–193. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.

Elmustian Rahman. “Muqaddimah fi Intizam: Latar Belakang dan Pandangan.” Dalam *Warisan Persuratan Johor II*, ed. Zainal Abidin Borhan, Othman Puteh, Hamzah Hamdani, dan Saleh Daud, 365–382. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 1999.

Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Mulk sebagai Sumber Pembentukan Perlembagaan Johor 1895
Hanif Md Lateh dan Izziah Suryani Arshad @ Mat Resad. *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018.

Helmiati. "Nurturing Islamic and Socio-Political Thoughts in Riau and Beyond: Exploring Raja Ali Haji's Works." *Journal of Al-Tamaddun* 16, no. 2 (2021): 99–109.
<https://doi.org/10.22452/JAT.vol16no2.8>.

Hooker, V. M. *Tuhfat-al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

Ismail, Noorilham, Zulkanain Abdul Rahman, Nur Dayana Mohamed Ariffin, dan Norasmahani Hussain. "Kegiatan Ilmu Pengetahuan Berasaskan Islam di Johor dalam Era Imperialisme British, 1914–1941." *Journal of Al-Tamaddun* 19, no. 2 (2024): 169–186.
<https://doi.org/10.22452/JAT.vol19no2.12>.

Lateh, Hanif Md, Izziah Suryani Mat Resad, dan Effendi A. Jamsari. "Analysis of Loanwords in Text of Johore State Constitution 1312H (1895)." *International Journal of Civil Engineering and Technology* 9, no. 1 (2018): 763–770.

Mahayudin Yahaya. "Islam dan Pengaruhnya ke atas Undang-undang Laut dan Perdagangan Negeri Kedah pada Abad ke-17 Masihi." Dalam *Islam di Kedah Darul Aman*, disunting oleh Md. Noor Salleh dan Abdul Halim Salleh, 26–29. Kedah: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, 1998.

Milner, Anthony, and Wilbert W. W. Wong. 2024. "Winstedt, Colonialism and the Malaysian History Wars." *Indonesia and the Malay World* 52 (153): 179–98.
doi:10.1080/13639811.2024.2351280.

Muslim, Nazri, Amaal Fadhlina Mohamed, and Ahmad Firdhaus Arham. "From the Past to the Present: The Enduring Impact of *Hukum Kanun Pahang* (Pahang Laws) in Malaysian Society." *Humanities & Social Sciences Communications* 11 (2024): article 811.
<https://doi.org/10.1057/s41599-024-03281-1>.

Rahmat Saripan. "Konsep, Peranan dan Institusi Penasihat di Terengganu, Kedah dan Johor pada Akhir Abad ke-19 daripada Perspektif Islam." Dalam *Masyarakat Melayu Abad ke-19*, oleh Jawatankuasa Kolokium, 221–226. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

Raja Ali Haji. *Muqaddimah fi Intizam al-Waza'if al-Muluk*. Lingga: Ofis Cop Government Lingga, 1304H.

Raja Ali Haji. *al-Thamrah al-Muhimmah Diyafah li al-Umara' wa al-Kubara' li Ahl al-Mahkamah*. Cetakan ke-2. [t.tp.]: Khazanah Fathaniyyah, 1999.

Sidek Abdullah. "Pemikiran Mazhab Imam Syafie dalam Sistem Undang-undang dan Perlembagaan di Terengganu semasa Pemerintahan Sultan Zainal Abidin III (1881–1919M): Satu Analisis." Tesis Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998.

Siti Hawa Salleh. "Unsur-unsur Islam dalam Undang-undang Kedah." Dalam *Islam di Kedah Darul Aman*, ed. Md. Noor Salleh dan Abdul Halim Salleh, 16–25. Kedah: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, 1998.

Stilt, Kristen. "Contextualizing Constitutional Islam: The Malayan Experience." *International Journal of Constitutional Law* 13, no. 2 (April 2015): 407–433. <https://doi.org/10.1093/icon/mov031>.

Straits Settlements Records (SSR). Ordinance No. III of 1878, 7 May 1878. Colonial Office Records, CO 274/2–3.

The Law of the Constitution of 1895 Incorporating All Amendments up to 1 January 2008. [t.tp.: t.p., t.t.].

Undang-Undang Negeri Johor. *Undang-undang Tubuh Kerajaan 1895 Incorporating All Amendments up to 1 January 2008*. Reprinted. n.d.

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia, 10 November 2009.

Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor with Addition 1908. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.

Zaini Nasohah. "Perkembangan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia sehingga Tahun 1990-an." Tesis Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998.